


GEMPAK.

WEEKLY EDITION



*Leia Mayssa
Masyerin*

GADIS GENIUS MATEMATIK HARUMKAN MALAYSIA





LEIA MAYSSA MASYERIN

Wanita akan lebih cantik apabila memiliki kebijaksanaan yang mengimbangi diri dengan karisma dimiliki.

Dan kejelitaan serta kebijaksaan itu dimiliki oleh seorang remaja bernama Leia Mayssa Masyerin yang baru mencipta sejarah apabila berjaya menerima tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Komputer di Massachusetts Institute of Technology (MIT), Amerika Syarikat bagi sesi kemasukan 2025.

Ironi agak sukar untuk Gempak Weekly Edition (GWE) mencari tahu perihal Leia di media sosial. Beliau bukan seperti 'orang kebanyakan', memiliki pelbagai platform media sosial, membuat konten penuh 'tayangan perdana' dan 'drama' apa lagi menghebahkan dirinya sebagai individu terpaling bijaksana.

Sebaliknya semua informasi mengenai gadis cantik berambut panjang ini diperoleh menerusi maklumat sahih yang kesemuanya hanya menyentuh tentang betapa hebatnya anak Malaysia ini di mata dunia — sekaligus menunjukkan betapa berkelas Leia membawa dirinya sebagai seorang yang berpelajaran tinggi.

Untuk yang tertanya-tanya siapa Leia, beliau adalah seorang remaja yang pakar dalam dunia Matematik. Beliau merupakan alumni Genius @ Permata Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pusat PERMATA Pintar Negara turut menzahirkan ucapan tahniah dan mengakui keputusan cemerlang Leia dalam PERMATA@Pintar High School Diploma telah membantunya mencapai impian ke MIT.

Menurut laporan, beliau mewakili Malaysia dalam International Mathematical Olympiad (IMO) selama tiga tahun berturut-turut yang dianjurkan di Oslo, Norway (2022), Chiba, Jepun (2023) dan Bath, United Kingdom (2024).

Dalam kejohanan berprestij itu, Leia berjaya membawa pulang satu pingat gangsa dan dua anugerah Honorary Mentions yang membuktikan kebolehannya bersaing di peringkat dunia.

Tidak berhenti di situ, pencapaian luar biasa Leia berterusan apabila terpilih untuk menyertai Kem Matematik Antarabangsa Maths Beyond Limits di Rycerka Dolna, Poland dari 8 hingga 21 September 2024 yang menghimpunkan 60 pelajar terbaik dari 32 negara. Program tersebut memberikan mereka peluang untuk berkongsi minat dan membina rangkaian global dalam komuniti akademik.

Leia juga pernah memenangi pingat emas dalam International Junior Math Olympiad (IJMO).

Dengan segala pencapaian luar biasanya, Leia disifatkan sebagai beauty with brain dan diharapkan terus menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk cemerlang di mata dunia.

- MALIAH SURIP



3 Individu Malaysia Punya Kepintaran Luar Biasa

Selain Leia, Malaysia sebenarnya telah memiliki ramai individu dengan kepintaran luar biasa dengan skor IQ yang antaranya pernah diiktiraf mengalahkan kebijaksanaan ahli fizik terkenal, Stephen Hawking. Berikut antara tiga individu dengan IQ luar biasa yang pernah menjadi tular.

Muhammad Haryz Nadzim

Muhammad Haryz Nadzim kini sudah berusia 6 tahun dan menetap di United Kingdom. Pada tahun 2020, Haryz menjadi tular di media sosial kerana kepintarannya yang sangat tinggi untuk usianya yang baru mencecah 4 tahun pada ketika itu.

Sudah mula berjalan dan bertutur seawal usia tujuh bulan, Haryz mencipta sejarah apabila dipilih menjadi ahli termuda menyertai Mensa UK, iaitu persatuan masyarakat IQ tinggi antarabangsa.

Anak kepada pasangan dengan latar belakang pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang kejuruteraan, Anira Asyikin dan Mohd Hilmy Naim itu diterima selepas mendapat skor kecerdasan minda (IQ) sebanyak 142 menerusi ujian Stanford Binet, sekali gus tergolong dalam 0.3 peratus kanak-kanak genius di dunia, lapor Metro UK.

Izz Imil Shahrom

Anak istimewa autisme, Izz Imil Shahrom juga pernah mengagumkan Malaysia apabila menjadi pelajar termuda pernah mendaftar masuk ke Universiti Malaya (UM) sejak penubuhannya pada tahun 1962.

Izz hanya berusia 12 tahun sewaktu mengikuti pengajian Sarjana Muda Sains dalam Matematik di universiti berprestij itu pada 2024. Sebelumnya Izz terpilih menyertai Pusat PERMATApintar UKM bersama 138 pelajar yang mendaftar di pusat terbabit pada tahun 2018.

Menurut ibu dan bapanya, Izz yang berminat pada angka sejak berusia tiga tahun berupaya menyelesaikan soalan Matematik dan Kimia Tingkatan Empat apabila mencecah lima tahun.

Sharvin Jeyendran

Pada tahun 2016, The Malay Mail memetik dari program 9News Perth melaporkan seorang bekas rakyat Malaysia, Sharvin Jeyendran diiktiraf oleh Mensa sebagai remaja paling bijak di Australia, dengan skor IQ melebihi ahli fizik terkenal, Stephen Hawking.

Sharvin diketahui memperoleh skor IQ sebanyak 168 dalam ujian organisasi kecerdasan itu, lapan mata lebih tinggi daripada skor Hawking. Merupakan anak pasangan peguam, Sharvin mengaku bercita-cita sebagai saintis biologi dan berhasrat mencari penawar penyakit kanser.

Menurut laporan itu, Mensa mengklasifikasikan individu yang memperoleh skor IQ melebihi persentil ke-98 dalam ujian kecerdasan piawai sebagai golongan genius. Ini biasanya merujuk kepada skor melebihi 132 dalam skala Stanford-Binet dan lebih 148 dalam ujian kecerdasan Cattell. - MALIAH SURIP





6 0 3 6



P5 PLUS



DE PICS



20 min ▶ 20A

► **נילזשוויל 19**

18 B



'Serumpun' Mimi Fly Cetus Sensasi, Apa Iktibarnya?

Lagu Serumpun oleh Mimi Fly membawa perspektif baharu dalam muzik raya, namun muzik videonya mencetuskan kontroversi apabila pakaian berkemban yang digayakan dianggap terlalu terdedah dan tidak sesuai dengan tema Aidilfitri.

Netizen mengkritik imej tersebut sebagai tidak mencerminkan kesopanan budaya Melayu dan lari daripada maksud sebenar sambutan Hari Raya, mencetuskan perdebatan antara kebebasan berkarya dan batas budaya.

Menyedari reaksi negatif, Mimi bertindak menurunkan MV asal dari YouTube dan memberi jaminan versi baharu akan dilancarkan.

"Saya tidak pernah berniat untuk menghina seseapa. Sebagai anak Melayu, saya sangat menghormati budaya kita. Saya ambil teguran ini secara positif dan telah membuat perubahan," katanya.

Sejurus selepas itu, beliau melancarkan versi yang telah disunting, lebih sopan dan selaras dengan nilai tradisi.

Keputusan Mimi menerima teguran dengan hati terbuka mendapat pujian ramai, dianggap sebagai contoh kebertanggungjawaban dalam industri hiburan.

Situasi ini menjadi peringatan bahawa dalam berkarya, keseimbangan antara kreativiti dan sensitiviti budaya adalah penting dan artis bukan sahaja perlu berani bereksperimen, tetapi juga bertanggungjawab terhadap penerimaan khalayak. - AMRI HASSAN

Tragedi Cinta 2 Public Figure, Berantakan, Berpisah Di Bulan Ramadan

Takdir tidak selalu berpihak kepada pasangan yang berharap rumah tangga berkekalan hingga ke syurga. Meski berusaha mempertahankan perkahwinan, ada yang terpaksa berpisah tanpa rela.

Itulah yang menimpa Abang Viva & Eva Noza serta Datuk Nora Ariffin & Rushdi Ramli, dua pasangan berbeza latar belakang dan usia yang akhirnya menemui titik akhir dalam perkahwinan mereka.

Berikut adalah kronologi ringkas kisah mereka.



NORA, RUSHDI

Perkahwinan Datuk Nora Ariffin dan Rushdi Ramli pada 2021 terus diuji dengan pelbagai kontroversi, terutama kerana Nora berstatus isteri kedua yang tidak direstui isteri pertama, Rose Aliza Sutrisno.

Sejak awal, rumah tangga mereka sering menjadi perhatian, termasuk ketika Nora mendedahkan kehidupan peribadinya.

Pada 12 Ogos 2024, Rushdi menceraikannya dengan talak satu, namun mereka rujuk semula pada 14 September 2024.

Walaupun kontroversi reda seketika, Nora kemudian mengakui rumah tangganya masih menerima tentangan. Pada 19 Mac 2025, Nora memaklumkan telah memohon perceraian demi memenuhi kehendak Rose. Bagaimanapun, Rose menafikan memaksa Rushdi menceraikan Nora dan menyatakan dirinya sudah lama reda dengan keadaan tersebut.



ABANG VIVA, EVA NOZA

Perkahwinan Abang Viva dan Eva Noza, yang bermula pada 14 Oktober 2022, mula dilanda konflik akibat tuduhan curang.

Pasangan aktivis banjir ini pernah bercerai pada Mac 2024, namun kembali rujuk dalam tempoh idah untuk menyelamatkan rumah tangga mereka.

Namun, perkahwinan itu hanya bertahan setahun sebelum mereka bercerai kali kedua pada 13 Mac 2025 di Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah.

Eva memohon fasakh dan dilepaskan secara baik, sementara Abang Viva menerusi TikTok menyatakan bahawa perpisahan adalah jalan terakhir setelah mendakwa maruah keluarganya tercemar.

"Dah cerai dah pun, tak boleh tahan lagi, maruah kita je yang kena pijak," katanya. - MALIAH SURIP

Menjelang Raya, Konten ‘Aneh’ Prince Syed Pun Menjelma

Macam ‘anak bulan’ nama pempengaruh Prince Syed Shahid dan isteri, Fatin Syazwani Ishak akan ‘terang’ menjelang Aidilfitri.

Akan ada sahaja konten-konten ‘aneh’ lelaki tersebut akan muncul.

Prince Syed dan isteri pertama kali mencuri perhatian masyarakat apabila memilih busana raya yang di luar kotak berbanding tema yang digayakan oleh kebanyakan keluarga yang menyambut hari Lebaran.

Mereka antaranya memakai busana raya dengan tema Barbie yang diakui menelan belanja RM4,000 pada tahun lalu. Busana berwarna merah jambu dan biru cair itu dihasilkan sendiri oleh Prince Syed, 33, yang merupakan pereka busana.

Di sebalik kelainan yang ditampilkan, pasangan tersebut menerima kecaman kerana dinilai ‘kurang manis’ dan aneh memakai busana tema Barbie menziarah pusara.

Pasangan tersebut yang kalis kecaman juga pernah muncul ‘berkepak’ saat menghadiri majlis pelancaran produk pelakon Rozita Che Wan.

Untuk tahun ini, di sebalik persiapan menjahit busana menggunakan kain ‘lace’ yang bernilai RM3,000 semeter menjelang raya, Prince Syed dan Fatin buat konten sensasi lagi.

Sambil berkongsi konten berada di sebuah kedai emas, Prince Syed mendakwa telah berhabis hampir RM1 juta hanya untuk menghadiahkan barang kemas yang akan diperagakan Fatin pada Aidilfitri nanti.

Menerusi perkongsianya di TikTok, dia mendakwa telah menghabiskan sekitar RM980,000 hanya untuk membeli barang kemas yang terdiri daripada rantai dan gelang yang disifatkan sebagai rezeki buat isterinya.

“Lepas geram shopping raya, tu harga lepas diskau semua, pada saya okay sangat nilai RM980,000 tu dengan banyak emas yang dapat dibeli kali ini untuk pakai raya tapi banyak sangat diskau mereka beri,” ujarnya.

Apapun kita tunggu busana apa yang akan digayakan bersama barang kemas bernilai hampir RM1 juta itu pada hari raya nanti. - MALIAH SURIP

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Sipu Groso

Pelakon: Adila Fitri, Samuel Rizal, Kiesha Alvaro

Genre: Seram

Filem ini mengisahkan Sadali (Ajil Ditto), seorang pemuda yang bercita-cita menjadi pelukis dan ingin melanjutkan pengajian dalam jurusan Seni Rupa di ISI Yogyakarta. Sebelum berpindah, dia dijodohkan dengan Arnaza (Hanggini), gadis tercantik di kampungnya.

Perkahwinan mereka berjalan lancar sehingga Sadali berpindah ke Jogja dan bertemu kembali dengan sahabat lamanya, Budi (Faiz Vizhal). Dia kemudian menetap di sebuah rumah yang turut menjadi restoran dan galeri seni milik Mera (Adinia Wirasti). Sadali semakin kagum dengan Mera. Rasa kagum itu akhirnya bertukar menjadi cinta, meskipun Mera lebih berusia daripadanya, sudah mempunyai anak, dan sedang menunggu proses perceraian selesai.

Pengarah: Martin R. Chantheran

Pelakon: Thevaguru Suppiah, Shabby, Ravin Rao, Kavitha Sinniah, Cellina Jay

Genre: Komedi, Romantik

Filem ini mengisahkan dua sahabat baik yang menjalankan perniagaan unik untuk membantu lelaki keluar dari zon kawan dan memikat gadis idaman mereka. Namun, salah seorang daripada mereka secara tidak disangka-sangka terperangkap dalam zon kawan dengan gadis impiannya sendiri. Keadaan pun menjadi hulu-hara dengan pelbagai insiden lucu, kekacauan dan pengajaran hidup yang bermakna.

Pengarah: Marc Webb

Pelakon: Rachel Zegler, Gal Gadot, Andrew Burnap

Genre: Fantasi, Muzikal

Snow White 2025 merupakan adaptasi live-action dari film animasi Disney tahun 1937 yang berjudul "Snow White and the Seven Dwarfs". Snow White, seorang puteri hidup bahagia di istana sehingga ibunya meninggal dunia. Kehidupan mereka berubah apabila seorang wanita cantik berjaya memikat hati Raja dan menjadi ibu tiri Snow White.

Selepas Raja hilang dalam misi ke selatan, ibu tirinya merampas takhta dan menjadi Evil Queen, yang kejam serta tamakkan kecantikan dan kuasa. Apabila Cermin Ajaib menyatakan Snow White lebih cantik daripadanya, Evil Queen mengarahkan puteri itu dibunuh. Namun, Snow White melarikan diri dan bertemu tujuh orang kerdil. Bersama-sama, mereka berusaha menggulingkan Evil Queen dan menyelamatkan kerajaan.

GMW Specials: Kisah Cinta Syafiq Kyle & Mimi Lana!



Gempak Most Wanted (GMW) Specials pada minggu ini berpeluang untuk menemubual pasangan merpati dua sejoli; Syafiq Kyle dan Mimi Lana yang baru saja melangsungkan pernikahan bulan lalu.

Syafiq menerusi temuramah ini meluahkan rasa syukur apabila majlis persandingannya bersama isteri, Mimi Lana berjalan lancar.

No phone rules!

Syafiq dan Mimi menetapkan syarat agar tetamu tidak bermain telefon sepanjang majlis.

"Bila kita buat rules tak boleh bawa phone semua orang bagi kerjasama yang baik, mereka sangat memahami terutamanya keluarga dan kawan-kawan.

"Saya rasa macam kahwin dekat tahun 1980, sebab tiada phone dan tiada orang yang sedang fokus dengan gadjet mereka," kata Syafiq.

Lagu tema Sumpah Dan Cinta Matiku

Syafiq memilih lagu Sumpah Dan Cinta Matiku nyanyian Nidji sebagai lagu tema perkahwinannya kerana ia menjadi peneman sepanjang 14 hari mengerjakan umrah.

"Waktu saya pergi mengerjakan umrah, saya berdoa sangat yang saya nak sangat berkahwin dengan Mimi. Jadi saya doa sekiranya betul jodoh saya dengan Mimi makbulkanlah setiap hari selama 14 hari saya doa benda yang sama.

"Ada satu hari saya cakap saya nak berdoa dekat makam Rasulullah sebelum saya balik Malaysia dan Allah makbulkan jadi saya berdoa benda yang sama.

"Jadi lagu Sumpah Cinta dan Matiku adalah teman saya dekat sana selain saya berselawat sehingga tiba hari pernikahan kami dan saya tak nampak lagu lain. Sebab saya rasa lirik dan melodi dia sangat relate dengan saya," katanya.

Nikah tertutup

Pasangan ini bernikah secara tertutup pada 14 Februari di Taiping, Perak, dihadiri keluarga dan kenalan rapat. Mimi dan Syafiq pernah bercinta beberapa tahun sebelum membatalkan pernikahan pada 18 Ogos 2023, namun akhirnya disatukan tahun ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Lagu Raya 'Meriah Lain Macam' & 'Ketupat Nyam Nyam' Ada Filter TikTok!

Ramadan tahun ini dimeriahkan dengan lagu raya seperti Meriah Lain Macam (Hael Husaini) dan Nyam Nyam Ketupat (Zizan Razak, Wani Kayrie, Dinda Dania, Miss Alvy), yang bukan sahaja mudah diingat tetapi turut menampilkan filter interaktif di TikTok.

Meriah Lain Macam membolehkan peminat berduet secara maya dengan Hael Husaini atau Nadeera, manakala Nyam Nyam Ketupat menawarkan cabaran mengumpul mata tertinggi.

Nadeera juga melancarkan Dam Dim Dum Raya, ciptaan bersama Acap Salim dan Arif Izo. Semua lagu ini boleh distrim di platform digital dan ditonton di YouTube.



Terus Mendonia! 'Meriah Lain Macam' Hidupkan Mood Balik Kampung Beraya

Selepas mencipta impak di Anugerah Juara Lagu ke-39 (AJL39), Hael Husaini dan Nadeera kembali berkolaborasi dalam lagu raya penuh ceria, Meriah Lain Macam.

Dicipta oleh Hael dan Iqie Hugh, lagu ini mengisahkan kekecohkan pasangan suami isteri membuat persiapan pulang ke kampung.

"Suasana balik kampung memang meriah lain macam! Saya mahu menggambarkan keterujaan itu dalam lagu ini, sambil menyerlahkan keseronokan dan cabaran perjalanan balik kampung. Harapnya lagu ini dapat menghidupkan lagi mood Raya kita semua," kata Hael.

Replika Baju Melayu Tengah KL!

Pengasas Bulan Bintang, Azzim Zahid Azmi tampil menjelaskan kontroversi replika Baju Melayu gergasi setinggi 12 kaki di The Starhill, yang disamakan segelintir pihak dengan patung berhala.

Katanya, majoriti maklum balas adalah positif, menghargai usaha mengangkat budaya Melayu. Beliau menegaskan replika itu strategi promosi, seperti yang dilakukan jenama antarabangsa.

"Kenapa jenama tempatan tidak boleh buat perkara yang sama?" katanya.

Replika itu menjadi tarikan utama kempen Bulan Bintang Sedekad Menyinar Takluk The Starhill (12-23 Mac 2025), yang turut menampilkan pop-up store dan koleksi istimewa.




Rosyam Nor Lancar Pasar Raya 24 Jam

Datuk Rosyam Nor melancarkan ST Rosyam Mall di Klang, pusat beli-belah seluas 114,000 kaki persegi dengan pelbagai premis, termasuk yang beroperasi 24 jam.

Dalam majlis sama, Rosyam turut merasmikan cawangan kelapan ST Rosyam Mart, pasaraya pertama di Malaysia dengan inovasi Pandu Lalu Pengambilan Barang Pesanan.

Beroperasi 24 jam, ia menawarkan promosi istimewa seperti ayam seekor RM0.88 sen serta lebih 300 barang harga rendah, menekankan konsep beli-belah mampu milik dengan barangan segar berkualiti tinggi.



Kuih Raya Worth A Plane Ticket!

Nazim Nasri, the owner of the kuih raya business Oh Mak Kita, recently went the extra mile—literally—to deliver an order to a customer in Johor Bahru.

The customer, eager to get their hands on the festive treats, was so dedicated that they covered the cost of Nazim's round-trip flight from Kuala Lumpur, which was estimated to be around RM80 to RM100.


This unexpected request marked the first time Nazim had ever traveled by air to fulfill an order, making it a memorable experience for him.



E-Hailing Car Turns Into Mini Garden!

A Malaysian e-hailing driver surprised passengers by transforming his car's interior into a mini-garden, adorning the dashboard and roof with various plants.

This unique setup, while unconventional, provided a refreshing and nature-inspired ambiance for riders, sparking astonishment and amusement among Malaysians.



Lending A Lift, Without A Lift

At the Bukit Mertajam KTM station, a wheelchair user found himself stranded when the station's lift was under maintenance.

In response, two compassionate men immediately assisted by carefully carrying him and his wheelchair up a flight of stairs.

Despite observing Ramadan and fasting, they didn't hesitate to help, showcasing the community's spirit of unity and kindness.

Read more at www.rojakdaily.com